

TARIKH : 30 OGOS 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Kadar inflasi Malaysia naik kepada 4.4 peratus

Kadar inflasi Malaysia naik kepada 4.4 peratus

Indeks makanan meningkat 6.9 peratus kekal penyumbang utama lonjakan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Inflasi Malaysia, yang diukur daripada Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 pada Julai 2022 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan harga makanan.

Peningkatan kadar inflasi itu adalah lebih tinggi berbanding 3.4 peratus yang dicatatkan pada Jun 2022, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam statistik Indeks Harga Pengguna, Malaysia Julai 2022 yang diterbitkan semalam.

Menurut DOSM, indeks makanan yang meningkat 6.9 peratus kekal menjadi penyumbang utama kenaikan inflasi pada Julai.

"Namun, terdapat item makanan yang menunjukkan momentum peningkatan yang lebih perlahan berbanding Jun 2022. Antaranya ialah subkumpulan ikan dan makanan laut (4.2 peratus) dan sayur-sayuran

(7.1 peratus)," katanya.

Kesan asas lebih rendah

DOSM berkata, peningkatan inflasi Malaysia pada Julai turut disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah pada tahun lalu berikutan pemberian diskaun bil elektrik dari lima hingga 40 peratus mengikut jumlah penggunaan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada Julai sehingga September 2021.


"Selain kumpulan makanan, semua kumpulan lain juga terus merekodkan peningkatan kecuali komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

"Restoran dan Hotel meningkat 5.8 peratus diikuti pengangkutan (5.6 peratus); hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (4.0 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (3.8 peratus).

"Sementara itu, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus, pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.1 peratus) dan pendidikan (1.2 peratus).

DOSM berkata, inflasi bagi tempoh Januari hingga Julai 2022 meningkat 2.8 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Bagi perbandingan bulanan, ia berkata inflasi meningkat 0.4 per-



Kenaikan harga makanan penyumbang utama peningkatan inflasi.

(Foto hiasan)

tus berbanding Jun 2022.

"Peningkatan ini disumbang, terutama oleh peningkatan restoran dan hotel (0.8 peratus) serta makanan dan minuman bukan alkohol (0.7 peratus).

"Ini diikuti oleh hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (0.6 peratus) dan pengangkutan (0.5 peratus)," katanya.

Kenyataan itu menambah, inflasi teras dan inflasi tanpa bahan api masing-masing mencatatkan peningkatan 3.4 peratus dan 4.2 peratus pada Julai 2022 berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

"Semua inflasi negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi yang mana tiga negeri meningkat melepasi paras inflasi nasional 4.4 peratus," katanya.

Sementara itu, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata peranan semua pihak termasuk persatuan pengguna, pemain industri dan peniaga serta Keluarga Malaysia amat penting dalam usaha untuk memerangi inflasi, selain langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membendung inflasi dan membantu rakyat mendepani isu kos sara hidup.

"Inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berikutan langkah kerajaan terus menyediakan peruntukan subsidi yang lebih besar iaitu sebanyak RM77.7 bilion pada 2022 berbanding bajet asal sebanyak RM31 bilion," katanya dalam kenyataan berasingan.